



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MINISTRY OF DEFENCE MALAYSIA

PEKELILING KETUA PENGARAH JABATAN HAL EHWAL VETERAN ATM BIL 1/2020

**TATACARA PENGURUSAN DAN SYARAT-SYARAT PERMOHONAN SKIM BANTUAN
KEBAJIKAN DAN PENDIDIKAN JABATAN HAL EHWAL VETERAN ATM**

**BAHAGIAN KEBAJIKAN
JABATAN HAL EHWAL VETERAN ATM**

Tatacara Pengurusan dan Syarat-syarat Permohonan Skim Bantuan Kebajikan dan Pendidikan

a. Jenis-jenis Skim Bantuan

Skim Bantuan Kebajikan terbahagi kepada 5 kategori iaitu :

- (i) Bantuan Sara Hidup;
- (ii) Bantuan Persekolahan;
- (iii) Bantuan Kemasukan ke Institut Pendidikan Tinggi (IPT);
- (iv) Bantuan Peralatan Pesakit; dan
- (v) Bantuan Bencana Alam.

b. Kelayakan Asas Pemohon

Bagi melayakkan Veteran ATM memohon Skim Bantuan Kebajikan dan Pendidikan, pemohon semestinya terdiri daripada :

- (i) Veteran ATM;
- (ii) Balu kepada Veteran ATM; dan
- (iii) Anak-anak yatim Veteran ATM yang berumur di bawah 18 tahun atau di bawah 23 tahun sekiranya masih belajar.

Pemohon seperti berikut adalah **tidak layak** menerima Skim Bantuan Kebajikan dan Pendidikan JHEV :

- (i) Veteran ATM yang ditamatkan perkhidmatan disebabkan kes tatatertib / salah laku / hukuman mahkamah dan lain-lain penamatan secara tak terhormat;
- (ii) Balu veteran ATM yang kahwin semula; dan
- (iii) Bekas isteri / Janda veteran ATM (bercerai hidup).

c. Pendapatan Garis Kemiskinan

Sesebuah isi rumah adalah dianggap miskin sekiranya pendapatan bulanan isi rumah tersebut adalah kurang daripada **Paras Garis Kemiskinan (PGK)**, iaitu pendapatan yang mencukupi bagi membolehkan isi rumah tersebut memenuhi keperluan asas dari segi makanan dan bukan makanan yang mebolehkan setiap ahlinya berfungsi dalam masyarakat.

Bagi Bantuan Sara Hidup dan Bantuan Persekolahan, pendapatan keluarga pemohon akan dinilai berdasarkan Jadual Pendapatan Garis Kemiskinan **semasa** yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana

Menteri. Berikut adalah Jadual Pendapatan Garis Kemiskinan mengikut wilayah :

WILAYAH	PENDAPATAN ISI KEDIAMAN (RM)	PENDAPATAN PERKAPITA (RM)
Sem.Malaysia	960.00	244.00
Sabah/Labuan	1,180.00	259.00
Sarawak	1020.00	255.00

Pendapatan Keluarga (PK) / Isi Kediaman yang dikira adalah termasuk :

- (i) Pendapatan Veteran ATM / pasangan / anak-anak yang tinggal bersama;
- (ii) Sumbangan anak-anak kepada Veteran ATM / pasangan;
- (iii) Pencen yang diterima oleh Veteran ATM / pasangan daripada mana-mana agensi (Contoh: Tentera, Awam, Perkeso dan sebagainya);
- (iv) Harta yang memberikan pulangan hasil (Contoh: tanah, rumah sewa, hasil ladang / kebun / sawah dan sebagainya); dan
- (iv) Bantuan kewangan yang diterima daripada agensi-agensi lain.

Contoh pengiraan adalah seperti berikut :

Pendapatan Keluarga – Kadar Pendapatan Perkapita = PGK
RM850 – RM976 (Veteran + Tanggungan 3 orang = RM244 x 4) = - RM126
***PGK Negatif = LAYAK**
PGK Positif = TIDAK LAYAK

d. Tanggungan

Definasi tanggungan adalah merujuk kepada (*Rujukan: Akta Veteran 2012*) :

- (i) Pasangan;
- (ii) Anak kandung, anak tiri, anak tidak sah taraf dan anak angkat (diangkatkan mengikut perundangan) yang berumur 18 tahun ke bawah;
- (iii) Anak kandung, anak tiri, anak tidak sah taraf dan anak angkat (diangkatkan mengikut perundangan) yang berumur 23 tahun ke bawah (jika melanjutkan pelajaran); dan

- (iv) Anak kandung, anak tiri, anak tidak sah taraf dan anak angkat (diangkatkan mengikut perundangan) berstatus OKU sebelum mencapai umur 18 tahun (tiada had umur untuk memohon).

Tanggungan **tidak** merujuk kepada :

- (i) Anak-anak yang telah berkahwin **TIDAK** dianggap sebagai tanggungan kepada Veteran ATM walaupun di bawah umur 18 tahun; dan
- (ii) Anak-anak yang berumur melebihi 18 tahun yang bekerja atau tidak belajar, **TIDAK** dianggap sebagai tanggungan kepada Veteran ATM.

e. Bantuan Sara Hidup

Skim ini bertujuan memberi bantuan kewangan bulanan bagi meringankan beban tanggungan sara hidup Veteran ATM dan tanggungan mereka yang daif, uzur, hilang upaya dan menghidap penyakit kronik berdasarkan kelayakan mengikut kiraan PGK yang ditetapkan. Kadar bantuan adalah RM300.00 sebulan.

Syarat-syaratnya adalah seperti berikut :

- (i) Veteran ATM yang berumur 60 tahun ke atas dengan PGK negatif;
- (ii) Veteran ATM yang berumur 60 tahun ke bawah dengan penyakit yang menghalang pekerjaan dan mempunyai PGK negatif. (Dibuktikan melalui surat pengesahan tidak boleh bekerja daripada Lembaga Perubatan Hospital Kerajaan);
- (iii) Veteran ATM yang berstatus OKU (berdaftar dengan JKM) dan mempunyai PGK negatif;
- (iv) Balu yang mempunyai PGK negatif tanpa mengira had umur;
- (v) Anak yatim yang berumur tidak melebihi daripada 18 tahun atau tidak melebihi 23 tahun (jika sedang menuntut) yang mempunyai PGK negatif;
- (vi) Pembayaran bantuan hendaklah menggunakan akaun peribadi individu yang diluluskan sahaja. Akaun bersama adalah tidak dibenarkan; dan
- (vii) Nama pemohon mestilah mengikut ejaan di kad pengenalan pemohon. Sekiranya nama pada akaun bank berbeza dengan kad pengenalan, pemohon hendaklah mengemaskini nama di bank terlebih dahulu. (*Rujukan: Pekeliling SPANM Bil. 7 Tahun 2018: Garis Panduan Tatacara Pegurusan Bayaran*).

f. Bantuan Persekolahan / Kolej Vokasional Kebangsaan (KVK)

Skim ini adalah bertujuan membiayai anak-anak Veteran ATM yang kurang mampu untuk meneruskan pelajaran mereka di peringkat rendah dan menengah berdasarkan kelayakan mengikut kiraan PGK yang ditetapkan. Kadar bantuan ialah RM500.00 setahun bagi sekolah rendah dan RM700.00 setahun bagi sekolah menengah dan Kolej Vokasional Kebangsaan.

Syarat-syaratnya adalah seperti berikut :

- (i) Veteran ATM yang berumur 45 tahun ke atas dengan PGK negatif;
- (ii) Veteran ATM yang berumur 45 tahun ke bawah dengan penyakit yang menghalang pekerjaan dan mempunyai PGK negatif; (*Dibuktikan melalui surat pengesahan tidak boleh bekerja daripada Lembaga Perubatan Hospital Kerajaan*);
- (iii) Veteran ATM yang berstatus OKU (berdaftar dengan JKM) dan mempunyai PGK negatif;
- (iv) Balu yang mempunyai PGK negatif tanpa mengira had umur;
- (v) Anak yatim yang berumur tidak melebihi daripada 18 tahun atau tidak melebihi 19 tahun (jika sedang menuntut di Tingkatan 6 atau Kolej Vokasional Kebangsaan) yang mempunyai PGK negatif;
- (vi) Hanya seorang anak sahaja **LAYAK** bagi setiap veteran ATM;
- (vii) Permohonan bantuan **HANYA** kepada sekolah kebangsaan sahaja
- (viii) Anak yang menerima bantuan kewangan daripada agensi lain **TIDAK LAYAK** dipertimbangkan (Contoh: Biasiswa Kecil Persekutuan);
- (ix) Penerima Bantuan Sara Hidup tidak layak menerima skim ini;
- (x) Keutamaan diberikan kepada anak-anak di sekolah menengah; dan
- (xi) Nama pemohon mestilah mengikut ejaan di kad pengenalan pemohon. Sekiranya nama pada akaun bank berbeza dengan kad pengenalan, pemohon hendaklah mengemaskini nama di bank terlebih dahulu. (*Rujukan: Pekeliling SPANM Bil. 7 Tahun 2018: Garis Panduan Tatacara Pegurusan Bayaran*).

g. Bantuan Kemasukan ke Institut Pengajian Tinggi (IPT)

Skim ini bertujuan membantu meringankan beban kewangan ketika pendaftaran kemasukan ke semua Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang terpilih bagi anak-anak Veteran ATM sebagai galakan dan motivasi untuk meneruskan pengajian di peringkat lebih tinggi. Bantuan dibayar secara sekaligus. Kadar terkini adalah RM1,000.00 untuk pengajian peringkat Diploma dan RM1,500.00 untuk pengajian peringkat Ijazah Pertama.

Syarat-syaratnya adalah seperti berikut :

- (i) Permohonan adalah **DIHADKAN** kepada semua IPTA di bawah pengendalian Kementerian Pengajian Tinggi dan IPTS terpilih sahaja;
- (ii) Pengajian yang diikuti hendaklah **sepenuh masa** di peringkat Diploma atau Ijazah Pertama;
- (iii) Permohonan hendaklah dibuat dalam tempoh setahun dari tarikh kemasukan / pendaftaran ke IPTA / IPTS terpilih;
- (iv) Setiap anak hanya layak menerima satu bantuan sahaja sama ada di peringkat Diploma atau Ijazah Pertama;
- (v) Umur bagi anak veteran ATM hendaklah tidak melebihi 23 tahun ketika pendaftaran / kemasukan ke IPT;
- (vi) Kursus yang berbentuk latihan yang dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan adalah **TIDAK LAYAK**. (Contoh: *matrikulasi, latihan ketenteraan, kursus perguruan, separa perubatan, institut kemahiran*);
- (vii) Kursus pengajian profesional **TIDAK LAYAK** dipertimbangkan;
- (viii) Pembayaran bantuan hendaklah menggunakan akaun peribadi individu yang diluluskan sahaja. Akaun bersama adalah tidak dibenarkan; dan
- (ix) Nama pemohon mestilah mengikut ejaan di kad pengenalan pemohon. Sekiranya nama pada akaun bank berbeza dengan kad pengenalan, pemohon hendaklah mengemaskini nama di bank terlebih dahulu. (*Rujukan: Pekeliling SPANM Bil. 7 Tahun 2018: Garis Panduan Tatacara Pegurusan Bayaran*).

h. Bantuan Peralatan Pesakit

Skim ini bertujuan memberi bantuan kewangan kepada Veteran ATM, isteri dan tanggungan untuk membeli peralatan bantuan sokongan seperti kerusi roda, tongkat, katil, tilam dan sebagainya. Kadar bantuan maksimum adalah RM5,000.00 sekaligus. Setiap permohonan hendaklah disertakan laporan / memo daripada doktor kerajaan bagi menyokong keperluan, sebut harga atau resit asal pembelian bagi alat berkenaan.

Syarat-syaratnya adalah seperti berikut :

- (i) Pemohon yang menerima peralatan daripada skim kemudahan perubatan Bahagian Pencen, adalah TIDAK LAYAK untuk memohon peralatan yang sama dibawah skim bantuan ini;
- (ii) Bantuan bagi peralatan yang sama hanya layak dipertimbangkan semula dalam tempoh **LIMA TAHUN**;
- (iii) Tuntutan pembayaran balik hendaklah dibuat dalam tempoh setahun daripada tarikh pembelian alat berkenaan;

- (iv) Pembayaran bantuan hendaklah menggunakan akaun peribadi individu yang diluluskan sahaja. Akaun bersama adalah tidak dibenarkan;
- (v) Nama pemohon mestilah mengikut ejaan di kad pengenalan pemohon. Sekiranya nama pada akaun bank berbeza dengan kad pengenalan, pemohon hendaklah mengemaskini nama di bank terlebih dahulu. (*Rujukan: Pekeliling SPANM Bil. 7 Tahun 2018: Garis Panduan Tatacara Pegurusan Bayaran*);
- (vi) Tuntutan pembayaran bagi peralatan pesakit akan dibayar pada kadar 100% daripada nilai perolehan ataupun mengikut harga pasaran tertakluk kepada mana yang lebih **RENDAH**; dan
- (vii) Sekiranya peralatan yang dibeli oleh pemohon tidak mengikut syor pegawai perubatan kerajaan atau **MELEBIHI** daripada keperluan yang sepatutnya, Bahagian Kebajikan dengan nasihat Bahagian Perkhidmatan Kesihatan ATM berhak mengesyorkan peralatan yang relevan dengan keadaan pesakit. Pemohon hanya akan menerima peralatan / pembayaran berdasarkan syor tersebut.

i. Bantuan Bencana Alam

Skim ini bertujuan memberi bantuan kewangan untuk meringankan beban dan kesusahan yang dialami oleh Veteran ATM akibat bencana alam. Kadar bantuan tidak melebihi RM10,000 sekaligus (berdasarkan kerosakan pada rumah kediaman veteran). Kadar maksimum ini berkuatkuasa selaras dengan pengumuman Menteri Pertahanan pada 19 Julai 2020 tanpa kesan retrospektif.

Syarat-syaratnya adalah seperti berikut :

- (i) Veteran ATM / balu mestilah bermastautin di kediaman tersebut ketika bencana berlaku;
- (ii) Permohonan hendaklah dikemukakan dalam tempoh setahun dari tarikh kejadian;
- (iii) Permohonan hendaklah dilengkapi dengan **perakuan pemastautin** dan **laporan polis**;
- (iv) Bencana alam yang layak dipertimbangkan adalah ribut, taufan, kebakaran, gempa bumi, tsunami, tanah runtuh dan banjir;
- (v) Kerosakan yang diambilkira untuk dipertimbangkan adalah **struktur bangunan utama rumah** sahaja tidak termasuk kerosakan harta benda seperti kenderaan, perkakas rumah, barang elektrik, perabot dan dokumen peribadi;
- (vi) Pembayaran bantuan hendaklah menggunakan akaun peribadi individu yang diluluskan sahaja. Akaun bersama adalah tidak dibenarkan; dan
- (vii) Nama pemohon mestilah mengikut ejaan di kad pengenalan pemohon.

Sekiranya nama pada akaun bank berbeza dengan kad pengenalan, pemohon hendaklah mengemaskini nama di bank terlebih dahulu.
(Rujukan: *Pekeliling SPANM Bil. 7 Tahun 2018: Garis Panduan Tatacara Pegurusan Bayaran*)

j. Proses Permohonan

Semua permohonan bantuan hendaklah menggunakan borang **JHEV.BK.2019** yang boleh didapati di semua JHEV Negeri dan laman web JHEV. Borang permohonan hendaklah diisi sendiri oleh pemohon atau warisnya. Semua keterangan dan butir-butir yang diberikan hendaklah tepat, betul dan benar. Pemohon bertanggungjawab atas segala laporan yang diberikan. Semua permohonan mesti dimajukan melalui Pejabat JHEV Cawangan Negeri di mana pemohon itu menetap. Permohonan akan disiasat untuk mengesahkan maklumat yang diberikan dan kelulusan akan dipertimbangkan oleh panel **Jawatankuasa Kebajikan dan Kemudahan Perubatan (JKKP)**.

Keahlian Jawatankuasa Kebajikan dan Kemudahan Perubatan (JKKP)

Pengerusi	:	Ketua Pengarah JHEV
Timbalan Pengerusi	:	Timbalan Ketua Pengarah JHEV
Ahli	:	Pengarah Bhg. Kebajikan Pengarah Bhg. Pencen Pengarah Bhg. Kewangan dan Akaun Pegawai Pembangunan Masyarakat
Penasihat	:	Jurutera Kementerian Pertahanan Pegawai Perubatan Bhg. Perkhidmatan Kesihatan ATM

Korum mesyuarat adalah sekurang-kurangnya **3 ahli**. Mesyuarat akan diadakan setiap 2 minggu sekali. Keahlian jawatankuasa ini tidak boleh diwakili atau digantikan oleh pegawai lain. Sekiranya Pengerusi tidak dapat mempengerusikan mesyuarat, Timbalan Pengerusi boleh mempengerusikan mesyuarat tersebut sebagai Pengerusi Ganti. Pegawai Perubatan daripada Bahagian Perkhidmatan Kesihatan Markas ATM bertindak sebagai penasihat dalam pertimbangan permohonan-permohonan yang melibatkan masalah kesihatan dan perubatan terutama bagi permohonan Skim Bantuan Peralatan Pesakit. Manakala, Jurutera Kementerian Pertahanan bertindak sebagai penasihat dalam pertimbangan permohonan Skim Bantuan Bencana Alam.

k. Tempoh Proses Permohonan


Semua permohonan hendaklah dimajukan kepada JHEV Cawangan Negeri berhampiran tempat pemastautin pemohon. Permohonan dengan dokumen yang lengkap sahaja akan diproses selewat-lewatnya 3 bulan sehingga terima bayaran bantuan.

I. Penamatan Bantuan

Bantuan yang diterima akan ditamatkan **SERTA-MERTA** apabila berlaku perkara-perkara berikut :

- (i) Penerima bantuan telah meninggal dunia. Adalah menjadi kewajipan waris penerima melaporkan kematian penerima kepada pejabat JHEV Negeri yang berdekatan pada kadar segera dengan mengemukakan salinan sijil kematian;
- (ii) Anak yatim yang telah mencapai umur 18 tahun atau pun 23 tahun (jika melanjutkan pelajaran);
- (iii) Balu yang berkahwin semula;
- (iv) Maklumat yang dinyatakan di dalam Borang Permohonan adalah **PALSU** dan **TIDAK BENAR**. Tindakan perundangan boleh diambil ke atas pemohon di bawah Seksyen 193 Kanun Keseksaan (Akta 574);
- (v) Berlaku perubahan status sosioekonomi atau pendapatan isi rumah penerima bantuan;
- (vi) Apabila Bantuan Sara Hidup yang diterima mencapai tempoh 3 tahun.
- (vii) Apabila tamat persekolahan (Skim Bantuan Persekutuan / Kolej Vokasional sahaja) :
 - 12 tahun - sekolah rendah
 - 17 tahun - sekolah menengah
 - 19 tahun - kolej vokasional
- (viii) Apabila penerima telah berpindah alamat tanpa memaklumkan ke jabatan ini dan tidak dapat dikesan; dan
- (ix) Penerima gagal mengemukakan salinan buku akaun bank ke Ibu Pejabat JHEV melebihi tempoh 1 bulan dari tarikh kelulusan.

CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN

	Proses Kerja	Tempoh Masa
	JHEV Cawangan Negeri menerima permohonan dari veteran / waris.	1 hari
	JHEV Cawangan negeri dapatkan maklumat dan dokumen yang lengkap untuk lawatan siasatan.	1-5 hari
	JHEV Cawangan Negeri membuat laporan siasatan dan syor sama ada lulus / gagal permohonan pemohon.	2-4 minggu
	Bahagian Kebajikan terima syor sokongan JHEV Cawangan Negeri beserta dokumen yang lengkap dan membuat penilaian dan membuat syor lulus / gagal untuk kelulusan JKPP.	2 minggu
	Mesyuarat JKPP bersidang untuk memutuskan permohonan lulus / gagal (Mesyuarat bersidang 2 kali sebulan).	1 hari
	Bahagian Kebajikan proses baucer pembayaran untuk permohonan yang lulus	2 minggu
	Bahagian Kewangan dan Akaun (BKA) menerima baucer dan memproseskan bayaran kepada penerima bantuan mengikut tarikh pembayaran yang ditetapkan.	2 minggu